

KD Tunku Abdul Rahman, Tun Razak nama kapal selam

um- 26/7/2007

Oleh ZABRY MOHAMAD

KUALA LUMPUR 25 Julai – Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) akan mengabadikan nama Perdana Menteri pertama dan kedua pada dua kapal selam yang kini sedang dalam pembinaan di Perancis dan Sepanyol.

Kapal selam pertama negara akan dinamakan sebagai Kapal Diraja (KD) Tunku Abdul Rahman, iaitu nama Perdana Menteri pertama Malaysia.

Kapal selam kedua pula diberi nama KD Tun Razak sempena nama Perdana Menteri kedua negara, Tun Abdul Razak Hussein.

Pegawai Perhubungan Awam, Markas Tentera Laut, Leftenan Masliza Maaris berkata, pemilihan nama kedua-dua pemimpin negara itu diputuskan oleh Majlis Angkatan Tentera (MAT) baru-baru ini.

Katanya, upacara pelancaran dan penamaan rasmi KD Tunku Abdul Rahman dijadualkan berlangsung Oktober ini di Cherbourg, Perancis manakala KD Tun Razak pada Ogos tahun depan di Cartagena, Sepanyol.

"Kedua-dua kapal selam ini akan ditauliahkan ke dalam Armada TLDM pada tahun 2009.

"Selepas ditauliahkan, kedua-duanya akan dikenali sebagai kelas Perdana Menteri," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini.

Malaysia membeli dua kapal selam jenis Scorpene pada tahun 2002 yang dibina oleh syarikat perkapalan Perancis, DCN Shipyard International dan rakan kongsi dari Sepanyol, Navantia.

Proses penyambungan dua bahagian utama badan kapal selam pertama dilakukan pada 14 Mac lalu di Cherbourg.

Sementara penyambungan kapal selam kedua dimulakan semalam di Cartagena.

Menurut Masliza, TLDM menerima sebanyak 801 cadangan nama daripada lebih 3,000 rakyat Malaysia yang menyertai pertandingan menamakan kedua-dua kapal selam berkenaan sejak 27 April tahun lalu.

"TLDM telah menubuhkan sebuah jawatankuasa khusus bagi menyenarai-pendekkan nama-nama berkenaan.

"Senarai pendek ini kemudiannya dibahas oleh Jawatankuasa Panglima-Panglima yang dipengerusikan oleh Panglima Angkatan Tentera dengan panglima-panglima perkhidmatan sebagai ahli-ahlinya, sebelum dibentangkan kepada MAT," jelasnya.

Beliau memberitahu, majlis pengumuman nama pemenang pertandingan dan penyampaian hadiah akan diadakan tidak lama lagi.

